

### WILAYAH PERSEKUTUAN

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan,  
Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara,  
50676 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-22733788 Faks: 03-22734308.

### SELANGOR

Mahkamah Syariah Negeri Selangor, Tingkat 5 & 6,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Persiaran Pegawai, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel: 03-55191309 Faks: 03-55191317.

### NEGERI SEMBILAN

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan,  
Jalan Dato' Hamzah,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel: 06-7631241 Faks: 06-7645426.

### MELAKA

Mahkamah Syariah Negeri Melaka.  
Lot 2434, Blok D, Kompleks Mahkamah Melaka,  
Lebuhraya Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya,  
75450 Melaka.  
Tel: 06-2332061 Faks: 06-2313913

### PULAU PINANG

Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang  
No. 3, Jalan Batu Gantung,  
10450 Pulau Pinang.  
Tel: 04-8271875 Faks: 04-8296427

### PERLIS

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis  
Persiaran Jubli Emas,  
Jalan Pegawai,  
01000 Kangar Perlis  
Tel: 04-9774846 Faks: 04-9775107

### PERAK

Jabatan Kehakiman Syariah Perak  
Aras 3, Kompleks Mahkamah Syariah Perak  
Jalan Pari Off Jalan Tun Razak  
30000 Ipoh Perak  
Tel: 05-5018400 Faks: 05-5018522

### KELANTAN

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan,  
Kompleks Islam Lundang,  
15200 Lundang, Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-7480206 Faks: 09-7430476

### TERENGGANU

Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu  
Jalan Sultan Mohamad,  
21100 Kuala Terengganu  
Tel: 09-6232323 Faks: 09-6241510

### JOHOR

Jabatan Kehakiman Syariah Johor,  
Bangunan Mahkamah Syariah Negeri Johor,  
Lot 259, Jalan Abu Bakar,  
80100 Johor Bahru, Johor.  
Tel: 07-2199000 Faks: 07-2213133

### PAHANG

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang,  
Jalan Masjid, 25000 Kuantan, Pahang  
Tel: 09-5177966 Faks: 09-5554805

### KEDAH

Jabatan Kehakiman Syariah Kedah  
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
06550 Bandar Muazam Shah, Kedah  
Tel: 04-7001980 Faks: 04-7001989

### SARAWAK

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak  
Bangunan Mahkamah Syariah,  
Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-429810 Fax: 082-244576

### SABAH

Jabatan Kehakiman Syariah Sabah  
Tingkat 2, Blok B, Wisma MUIS,  
Beg berkunci No. 130,  
88739 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel: 088-253579 Faks: 088-219066

### Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Aras 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62677 Putrajaya  
Tel: 03-88864800 Fax: 03-88891627  
[www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



# PROFIL JKSM

## Visi

Untuk menjadikan sebuah agensi pusat yang berwibawa bagi merealisasikan penyeragaman sistem perundangan Islam demi menegakkan keadilan.

## Misi

Untuk menyeragamkan peruntukan undang-undang Islam di seluruh negara serta pengendalian kes-kes rayuan secara berkesan dan bersistematik.

## Objektif

- Mewujudkan Undang-Undang Islam berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di negeri-negeri;
- Memastikan semua negeri menggunakan Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Am Persekutuan;
- Memastikan kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah dikendalikan dengan adil,cekap dan teratur;
- Memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dengan meluas bagi melicinkan pentadbiran kehakiman syariah;
- Membangunkan Pusat Sumber bagi kegunaan pegawai dan orang awam berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah;
- Menggerakkan sumber-sumber penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah bagi memajukan sistem pengurusan dan kehakiman syariah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia;
- Melaksanakan keperluan latihan kepada semua pegawai dan kakitangan institusi perundangan dan kehakiman syariah di seluruh negara.

## Fungsi

1. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan penyelarasan prestasi organisasi Mahkamah Syariah di negeri-negeri ;
2. Menyelaras sistem perundangan Islam dan prosedur kehakiman syariah bagi diterima pakai oleh Negeri-negeri ;
3. Mengawal dan menilai program dan aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang menerima Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah ;
4. Mentadbir dan menyelaraskan kaedah-kaedah, etika dan arahan amalan serta peraturan ke atas semua Pegawai Syariah dan kakitangan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri;
5. Menguruskan keperluan dan pembangunan sumber manusia yang berkelayakkan dan mencukupi ;
6. Mentadbir dan menyelaraskan penggunaan sistem maklumat elektronik di JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri ;
7. Membangunkan sebuah Pusat Sumber berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah bagi menyediakan bahan-bahan rujukan ilmiah kepada para pegawai syariah di seluruh negara dan orang awam ;
8. Melaksanakan program penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah sesuai dengan kemajuan umat Islam dari segi sosial di negara ;
9. Merangka dan melaksanakan program pembangunan latihan kepada seluruh Pegawai Syariah dan kakitangan yang melaksanakan tugas samada di Mahkamah Syariah Negeri-negeri, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Agama Islam dan lain-lain agensi yang mempunyai kadar post perundangan syariah ;
10. Mengendalikan kes-kes rayuan di Mahkamah Syariah Negeri-negeri dengan berkesan dan bersistematik berlandaskan perundangan negara dan enakmen negeri-negeri.

## Piagam Pelanggan

- Menyemak dan menyeragamkan undang-undang Islam yang komprehensif, berkesan dan sistematik berhubung dengan pentadbiran Mahkamah Syariah dalam tempoh lima (5) tahun (2013);
- Mengendali dan menyelesaikan kes-kes rayuan syariah dalam tempoh tiga (3) bulan selepas didaftarkan dengan syarat semua peraturan telah dipatuhi;
- Menguruskan kemasukan Pegawai-pegawai Syariah dan negeri-negeri yang bersetuju ke dalam skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah dengan teratur dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani;
- Menguruskan aduan atau khidmat nasihat dalam tempoh empat belas (14) dari tarikh diterima;

## SEJARAH JABATAN

Jabatan Kehakiman Syar ah maaysia (JKSM) telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1998. Secara rasminya, Jabatan ini telah dilancarkan oleh Y.B Dato' paduka Dr. Abdul Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pada masa ini, JKSM beroperasi di tingkat 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan, Putrajaya.

## ORGANISASI JKSM

Terdapat 2 komponen utama di bawah organisasi JKSM iaitu Bahagian Dasar & Pembangunan dan Bahagian Kehakiman. Bahagian Dasar & Pembangunan mempunyai 7 bahagian bagi melaksana dan melancarkan fungsinya untuk memacu dan mentadbir kesemua program dan aktiviti JKSM dari semasa ke semasa.

- Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod
- Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia.
- Bahagian Latihan.
- Bahagian Pusat Sumber Maklumat & Penerbitan
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Bahagian Sokongan Keluarga

Manakala, Bahagian Kehakiman memainkan peranan dalam mengendalikan kes-kes rayuan di Mahkamah Syariah negeri-negeri.